



KEMENTERIAN KEMAJUAN
LUAR BANDAR DAN WILAYAH

TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

SEMPENA

MAJLIS PERTUKARAN MOA
PROGRAM KOLABORASI LATIHAN SUPERBIKE
DI ANTARA GIATMARA MALAYSIA DAN KAWASAKI MOTORS
(MALAYSIA) SDN. BHD.
SERTA
PERASMIAN BENGKEL KAWASAKI MOTORS
GIATMARA BATU

14 SEPTEMBER 2017 (KHAMIS)
WAKTU KETIBAAN : 11.30 PAGI

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

SALUTASI

Salam 1 Malaysia dan Salam Perpaduan.

MUKADDIMAH

1. Syukur Alhamdulillah kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan Izin-Nya, kita dapat bersama di dalam Majlis **Pertukaran MOA Program Kolaborasi Latihan *Superbike* di antara GIATMARA Malaysia Dan Kawasaki Motors (Malaysia) Sdn. Bhd.**
2. Program ini merupakan salah satu kejayaan bagi GIATMARA kerana dapat menjalinkan satu lagi usahasama dengan industri **selari dengan Pelan Transformasi KKLW dan yang terutamanya Fokus Transformasi GIATMARA 2017 iaitu Pembangunan Modal Insan** dengan memberi latihan yang selari dengan pasaran industri.
3. Dalam melaksanakan latihan kemahiran ini, satu persoalan yang paling penting perlu diambil perhatian adalah; **Adakah kursus-kursus kemahiran yang ditawarkan oleh GIATMARA telah menepati kehendak atau standard kemahiran yang diperlukan oleh industri?**

GIATMARA DAN HUBUNGAN INDUSTRI BERSAMA KAWASAKI

4. Hari ini kita telah melihat bagaimana industri sanggup dan bersedia untuk bekerjasama dengan MARA dan GIATMARA walaupun kita lihat di premis ini, ruang yang agak terhad, tetapi komitmen GIATMARA dan KAWASAKI tidak menghalang untuk kita terus melatih anak bangsa agar kita mencapai apa yang dihasratkan oleh kerajaan dengan peningkatan pengeluaran tenaga mahir kompetent yang berpendapatan tinggi.
5. MARA dan GIATMARA sekarang kita lihat sangat agresif mengorak langkah ke hadapan melalui inisiatif-inisiatif seperti ini. Secara tidak langsung, ia menjadi indikator bahawasanya latihan yang dibuat oleh kita diterima dan diiktiraf oleh industri. Maklum balas dari pihak industri amat penting bagi kita dan secara tidak langsung kita dapat mengenalpasti ruang-ruang kelemahan yang perlu dipenuhi bagi mencapai standard tersebut.

6. Saya amat berharap agar konsep *industrial-linkage* dapat dikembangkan kepada bidang-bidang latihan yang lain. *Short-cycle courses* seperti ini yang sejajar dengan *tagline* GIATMARA “**Kemahiran Menjamin kehidupan**” ini kita lihat dapat memberi lebih banyak peluang dan peningkatan pendapatan kepada belia-belia terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar.

CABARAN MARA MENUJU TN50

7. Menyahut saranan kerajaan, MARA dan GIATMARA menyambut baik pemerkasaan Latihan Kemahiran Teknikal Dan Vokasional (TVET) yang dirangka khusus untuk mempertingkatkan keupayaan anak-anak bangsa kita menjelang Transformasi Nasional 2050 (TN50). **Kita perlu membuat persediaan yang lebih agresif ke atas program-program latihan dan keusahawanan.**

8. Di samping kita mengejar untuk melahirkan pekerja-pekerja yang berkemahiran, menjadi tanggungjawab kita untuk melahirkan lebih ramai Teknopreneur melalui konsep *conversion from technical to entrepreneur*.

9. Cabaran dunia sekarang memerlukan kebijaksanaan untuk kita mengurus persekitaran yang lebih proaktif dan kondusif yang jauh berbeza daripada kebiasaan sebelum ini. Kita berhadapan dengan anak-anak belia yang lebih berpendidikan dan terdedah kepada dunia luar. Mereka lebih mudah membuat perbandingan akan tahap pencapaian kita berbanding yang lain.

10. **MARA harus berkemampuan melatih, mendidik termasuk menunjukkan *outcome* yang telah berjaya buat mereka dan bukan lah apa yang telah, serta pernah dilaksanakan.**

11. Yang pasti lanskap pendidikan dan kemahiran tanahair amat berlainan dengan aliran maklumat yang bebas samada melalui media masa atau media baru. Pemodenan negara dengan infrastruktur canggih dalam konteks telekomunikasi bukan hanya meningkatkan produktiviti ekonomi negara tetapi juga memberi kesan kepada kesedaran dan kematangan rakyat.

12. Inilah persekitaran terkini yang lebih bebas, pantas, terbuka. Kaedah kita diabad ke 21 ini menuntut kepada perubahan sepertimana perubahan zaman yang telah berlaku. Persekitaran mencabar ini dan masa yang teramat suntuk menuntut kita untuk bergerak sepanjang waktu supaya kita tidak ketinggalan sama sekali.

PROGRAM PEMBANGUNAN PRODUK DAN PROGRAM *MOBILETRUCK*

13. Saya difahamkan pada hari ini, ada sejumlah penerima geran Program Pembangunan Produk (RND) dan *Mobiletruck*.

14. Program *Mobiletruck* sebagai contoh, merupakan program peningkatan usahawan dari program *Mobilepreneur@KKLW* yang terdahulu diterima dari KKLW sejak 2016. Penerimaan positif program *Mobilepreneur* membuka ruang untuk kita melangkah setapak lagi untuk melahirkan usahawan bergerak menggunakan mini trak.

15. Kita tidak hanya memberi tumpuan kepada perniagaan makanan seperti trend semasa, *Mobiletruck* GIATMARA lebih kepada perniagaan berbentuk perkhidmatan. Contohnya, perniagaan baikpulih komputer, perkhidmatan elektrik, penghawa dingin, automotif dan lain-lain.

16. Program Pembangunan Produk pula, membuka ruang kepada usahawan lepasan GIATMARA yang mempunyai produk sendiri supaya dapat dibantu menambahbaik produk sedia ada agar lebih kompetitif di pasaran. Usahawan yang berjaya akan menerima geran berbentuk pembelian mesin dan alatan industri, persijilan, pemasaran – packaging dan tambah baik imej produk serta latihan keusahawanan.

17. Saya meletakkan harapan tinggi agar dapat membantu lebih ramai usahawan baru dan usahawan sedia ada dengan lebih banyak program-program keusahawanan. Sasaran melahirkan lebih ramai usahawan bumiputera berkemahiran tinggi merupakan antara agenda utama pelan transformasi negara sekaligus meningkatkan lagi taraf ekonomi setempat dan seterusnya mencapai sasaran Transformasi Nasional 2050 (TN50) YAB Perdana Menteri.

PENGHARGAAN KEPADA KAWASAKI

18. Saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan saya dan berterima kasih kepada **Kawasaki Motors (Malaysia) Sdn. Bhd.** di atas usahasama ini. Kesudian pihak KAWASAKI untuk bekerjasama dengan GIATMARA yang bertujuan untuk membangunkan dan melahirkan modal insan bagi keperluan tenaga mahir seluruh dunia adalah satu usaha yang patut dipuji kerana peranan besar ini menjadi amanah yang perlu digalas demi pembangunan negara.

HASRAT DAN HARAPAN

19. Pada masa akan datang, kita akan berusaha untuk meluaskan lagi *Strategic Partnership* sebegini dengan lebih banyak syarikat dan industri bagi menjamin lulusan GIATMARA mendapat tempat dan pekerjaan dalam bidang yang diikuti sama ada dalam negara atau di luar negara.

20. Melalui usahasama ini, diharapkan dapat menjadi peluang yang baik bagi kedua belah pihak dan membantu pelatih GIATMARA untuk mendapat pekerjaan di industri, menjadi usahawan serta maju dan berjaya sekaligus melahirkan modal insan terbaik negara.

21. Kepada penerima-penerima geran RND dan Mobiletruck, jangan lupa jadikan bantuan ini sebagai penyuntik semangat untuk terus lebih berjaya. Jangan lupa untuk berkongsi pengalaman bersama pelatih-pelatih GIATMARA yang baru. Mereka amat memerlukan bimbingan usahawan yang berjaya seperti alumni-alumni yang terdahulu.

22. Kepada pelatih GIATMARA yang ada bersama pada hari ini, saya ingin berpesan supaya belajarliah bersungguh-sungguh, semaikan ilmu kemahiran yang diperolehi disini supaya bila keluar nanti menjadi orang yang mahir dan pakar dalam bidang yang diceburi. Melalui kepakaran itu, kalian semua akan menjadi orang yang dipercayai, disegani dan jika menjadi usahawan, mampu menjana pendapatan yang berlipat ganda, kaya lagi berjaya. Ini bukan saja menjadi hasrat saya, malahan hasrat pemimpin negara menjadikan anak bangsa kita maju jaya.

Mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat dalam Usahasama Program Kolaborasi Latihan Superbike di antara GIATMARA dan KAWASAKI ini. Komitmen dan kejayaan anda diharap menjadi *role model* kepada industry-industri yang lain dalam pembangunan kompetensi sumber manusia negara yang lebih kompeten.

Akhir kata, Salam Hormat, Salam 1Malaysia,
Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.